

TENDER NOTICE

TENDER DISPOSAL OF SCRAP ITEMS AT NORTH BUTTERWORTH CONTAINER TERMINAL (NBCT), PENANG PORT SDN. BHD.

Saya telah diarah untuk memaklumkan kepada tuan bahawa Penang Port sedang mengeluarkan tawaran untuk kontrak di atas.

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor/Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), untuk membuat tawaran bagi kerja berikut.

Sekiranya tuan berminat, Borang Tender yang berharga RM53.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Tiga Sahaja) termasuk 6% GST boleh dibeli melalui wang tunai/bank deraf sahaja (wang tidak akan dikembalikan) di Unit Perolehan, Tingkat 1 Bangunan Ibu Pejabat Pentadbiran Penang Port Sdn. Bhd., Pulau Pinang pada waktu-waktu pejabat, sebelum jam 4.30 petang.

Tarikh lawatan ke tapak kerja akan di adakan pada **11 Julai 2018** jam 10.00 pagi. Tempat berkumpul adalah di **Main Lobby, Wisma Kontena Butterworth Utara, North Butterworth Container Terminal**. Lawatan tapak adalah **diwajibkan** bagi tujuan memahami skop kerja. Kehadiran penender akan diambilkira semasa proses penilaian tender.

Sehubungan itu, Pihak Tuan dikehendaki memenuhi keperluan keselamatan dengan pemakaian lengkap jaket dan topi keselamatan semasa menghadiri lawatan tapak ini. Pihak Tuan tidak akan dibenarkan memasuki kawasan atau premis Penang Port tanpa memenuhi syarat keselamatan ini.

Tawaran sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimeterai dan bertanda "**TENDER DISPOSAL OF SCRAP ITEMS AT NORTH BUTTERWORTH CONTAINER TERMINAL (NBCT), PENANG PORT SDN. BHD.**" dan dimasukkan ke dalam Peti Tender "A" di Unit Kasir, Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Pentadbiran, Penang Port Sdn. Bhd., No. 1, Pesara King Edward, 10300 Pulau Pinang.

Waktu-waktu penyerahan Tawaran Sebutharga

Isnin - Khamis : 8.15 pagi - 4.30 petang.
Jumaat : 8.15 pagi - 12.45 tengahari/2.45 petang – 4.30 petang.

Tarikh tutup tawaran ialah pada **17 Julai 2018**, tidak lewat dari jam 12.00 tengahari. Tawaran tender yang lewat tidak akan dilayan.

Penang Port tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran atau sebahagian daripada tawaran atau yang terendah sekali.